

## **MINIT MESYUARAT AGUNG KOGURU KALI KE-34**

Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab/Pusat Latihan Harian Pahang ( Koguru ) Berhad.

Tarikh : 17hb Mei 2008  
Masa : 10.00 pagi  
Tempat : Dewan SMK Seri Tualang , Temerloh  
Hari : Sabtu

Pengerusi : Encik Razali bin Hj Abdul Manaf  
Kehadiran : 489 orang anggota.

### **Agenda 1: Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat, Dua orang Pencatat Minit dan Empat Orang Pengira Undi Sulit.**

1.1 Encik Razali bin Hj Abdul Manaf dicadangkan sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung

Cadangan oleh Tn Hj Mohd Nor bin Hussin.  
Sokongan sebulat suara.

1.2 Encik Saifudin bin Abdullah dan Puan Hayati Suraini bt Mohamed Yusof dicadangkan sebagai Pencatat Minit Mesyuarat Agung.

Cadangan oleh Encik Mohd Sharipudin bin Md Ripin  
Sokongan oleh Tn Hj Md Kidam bin Long.  
Diterima sebulat suara.

1.3 Setiausaha Koguru meminta Encik Sahazudin bin Abu Ruddin yang dilantik sebagai Pengerusi JK Pengira Pencalonan ALK menjelaskan mengenai pencalonan ALK bagi tahun 2008/2010.

Encik Sahazudin bin Abu Ruddin menjelaskan bahawa hanya 3 pencalonan yang telah diterima dan layak untuk pemilihan ALK bagi tahun 2008/2010. Oleh kerana hanya 3 calon, maka ketiga-tiga calon itu telah diisytiharkan menang tanpa bertanding iaitu;

Encik Khairi bin Yahaya  
Encik Mohammad Zawawi bin Abu Bakar  
Tn Hj Mohd Nor bin Hussin.

**Agenda 2: Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang Anggota 4 orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung.**

- 2.1 6 orang anggota yang dicadangan dan diterima sebulat suara ialah;
  1. Encik Razali bin Hj Abdul Manaf
  2. Tn Hj Md Kidam bin Long
  3. Encik Saipudin bin Abdullah
  4. Encik Azhar bin Koming
  5. Puan Hayati Suraini bt Mohamed Yusof
  6. Puan Siti Zauyah bt Mat Rahim.
- 2.2 4 orang Anggota Lembaga terdiri daripada;
  1. Pengerusi
  2. Setiausaha
  3. Bendahari
  4. Encik Sahazudin bin Abu Ruddin.

**Agenda 3: Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-33.**

- 3.1 Setiausaha Koguru membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-33 dari muka surat 12 hingga muka surat 18 buku mesyuarat agung..
- 3.2 Encik Adnan bin Hj Abd Manaf bertanyakan tentang perkara di agenda 12.2 dan 12.3 dalam buku mesyuarat agung..
- 3.3 Setiausaha Koguru menjelaskan bahawa perkara itu telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2008. Keuntungan Pembiayaan dari 6 % kepada 5.9% dan 8% ke 7%.

Dicadangkan sah oleh Tn Hj Md Kidam bin Long.  
Disokong oleh Encik Adnan bin Hj Abd Manaf.  
Diterima sebulat suara.

**Agenda 4: Menimbang Laporan Tahunan Anggota Lembaga, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Ketua Pendaftar.**

- 4.1 Setiausaha Koguru membuat pembetulan bagi perkara 2 dalam Laporan Tahunan dengan memasukkan nama Tn Hj Ahamad bin Yahya dan pembetulan ejaan di muka surat 6 buku mesyuarat agung.
- 4.2 Setiausaha Koguru juga memohon maaf kerana Laporan JK Audit Dalaman tidak dicetak bersama buku mesyuarat tetapi disertakan sebagai sisipan.

4.3 Setiausaha Koguru juga menjelaskan Pandangan Ketua Pendaftar adalah bagi Penyata Kewangan Tahun 2007 belum diterima tetapi Pandangan Ketua Pendaftar bagi Penyata Kewangan Tahun 2006 ada dinyatakan di bahagian lampiran.

4.4 Setiausaha Koguru juga merakamkan terima kasih kepada JK Laman Web Koguru, semua AJK Kecil Koguru dan JK Perniagaan & Pelaburan yang berjaya memajukan Pusat Tuisyen Koguru Jaya dan pembukaan cawangan di Taman Setia Jasa.

4.5 Setiausaha Koguru juga melaporkan beberapa perkara semasa dan akan datang;

Bangunan baru dibeli secara tunai ( 'progress Payment);

- |                            |            |
|----------------------------|------------|
| 1. Taman Setia Jasa        | RM 185,000 |
| 2. Taman Industri Mentakab | RM 268,000 |
| 3. Taman Jaya 3            | RM 238,000 |

Operasi Pejabat.

1. Maklumat pembiayaan anggota menggunakan sistem Koguru.
2. Potongan gaji secara on-line dengan Angkasa.
3. Kemudahan cek tunai akan tamat sehingga cek yang ada sekarang habis dikeluarkan.
4. Waktu pejabat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Keanggotaan

1. Keanggotaan Koguru tidak banyak berubah dimana setiap bulan ada anggota yang berhenti dan mohon menjadi anggota.

Insuran Kereta/Motor.

1. Tidak ada lagi anggota yang membeli insuran kereta/motor melalui Koguru menyebabkan kemudahan komisyen tidak dapat diberikan kepada Koguru oleh syarikat insuran.

Dicadangkan diterima oleh Pn Normadiah bt Mohamad  
Diterima sebulat suara.

**Agenda 5: Menimbang dan Meluluskan Akaun Teraudit Berakhir 31 Disember 2007 bersama Laporan Juru Audit Luar.**

5.1 Bendahari Koguru membenteng Penyata Akaun Teraudit Berakhir 31 Disember 2007 bersama Laporan Juru Audit Luar dari muka surat 29 hingga muka surat 51 buku mesyuarat agung.

5.2 Encik Mohd Sharipudin bin Md Ripin bertanyakan mengapa susut nilai

aset tetap dimasukkan dalam penyata pendapatan yang menyebabkan ia termasuk dalam perbelanjaan.

5.3 Tetuan Juruaudit Luar menjelaskan bahawa susutnilai aset tetap memang dimasukkan dalam penyata perbelanjaan selaras dengan peraturan kewangan dan syor Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

5.4 Tn Hj Alwi bin Hj Hashim bertanyakan tentang perbelanjaan sewaan bangunan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.

5.5 Tetuan Juruaudit Luar menjelaskan perkara itu dinyatakan dalam Penyata Pendapatan pada perkara sewa bangunan.

5.6 Pn Nor Raha Asyikin bin Abu Bakar bertanyakan tentang jumlah belanja mesyuarat agung tidak sama dengan jumlah kehadiran anggota.

5.7 Bendahari Koguru menjelaskan bahawa perbelanjaan itu termasuk juga semua perbelanjaan mesyuarat agung seperti buku mesyuarat, sewaan, jamuan, publisiti dan sebagainya.

Dicadangkan lulus oleh Encik Mohd Sharipudin bin Md Ripin.

Disokong oleh Encik Adnan bin Hj Abd Manaf.

Diterima sebulat suara.

**Agenda 6: Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan Tahun 2009.**

6.1 Bendahari Koguru membentangkan Anggaran Belanjawan Tahun 2009 seperti di muka surat 54 buku mesyuarat agung.

		<b>PENDAPATAN</b>		
ANGGARAN	SEBENAR	PERKARA	ANGGARAN	ANGGARAN
2007	2007		2008	2009
282,000.00	284,347.00	Bayaran Perkhidmatan	290,000.00	288,000.00
64,200.00	51,225.00	Sewaan bangunan	80,400.00	87,600.00
35,100.00	18,368.00	Keuntungan Simpanan Tetap	38,000.00	35,000.00
500.00	1,085.00	Pelbagai Pendapatan	500.00	2,000.00
300.00	640.00	Fee Masuk	300.00	500.00
19,770.00	65,319.00	Keuntungan atas saham	60,000.00	60,000.00
3,000.00	1,723.00	Komisyen Insuran Hayat	3,000.00	3,000.00
200.00	9.00	Keuntungan Simpanan Semasa	100.00	100.00
14,000.00	2,763.00	Keuntungan Pusat Tuisyen	10,000.00	15,000.00
-	-	Pusat Taska	-	15,000.00
2,000.00	-	Keuntungan Insuran kereta/motor	2,000.00	2,000.00
<b>421,070.00</b>	<b>425,479.00</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>484,300.00</b>	<b>508,200.00</b>

<b>PERBELANJAAN</b>				
<b>ANGGARAN</b>	<b>SEBENAR</b>	<b>PERKARA</b>	<b>ANGGARAN</b>	<b>ANGGARAN</b>
<b>2007</b>	<b>2007</b>		<b>2008</b>	<b>2009</b>
54206.00	54759.00	Gaji dan Elaun	60000.00	68000.00
6000.00	6442.00	KWSP dan PERKESO	6500.00	7000.00
10800.00	10800.00	Imbuan EXCO	14400.00	14400.00
10000.00	8980.00	Imbuan Mesyuarat AL	12000.00	12000.00
8000.00	9660.00	Imb.bekerja J.Kuasa Kecil/Biro	10800.00	11000.00
55000.00	45159.00	Mesyuarat Agung	60000.00	65000.00
1500.00	2218.00	Seminar/Kursus	2000.00	3000.00
2000.00	5026.00	Perjalanan dan Urusan Luar	3000.00	3500.00
3000.00	6132.00	Alatulis dan Percetakan	3500.00	3500.00
2000.00	247.00	Alatan Pejabat	2500.00	2500.00
2500.00	1577.00	Setem dan Pos	2500.00	2500.00
4200.00	4953.00	Elektrik dan Air	4500.00	6000.00
2500.00	5002.00	Telefon dan Internet	4000.00	5500.00
300.00	228.00	IWK	300.00	300.00
3500.00	4781.00	Cukai tanah dan cukai pintu	4000.00	4500.00
1500.00	1509.00	Insuran	2000.00	2000.00
2000.00	654.00	Penyelenggaran Bangunan/Alat	2000.00	2000.00
2000.00	2155.00	Membaiki alat pejabat	3000.00	3000.00
20000.00	14088.00	Dalal ANGKASA	20000.00	20000.00
5200.00	4200.00	Fi Audit Luar	5000.00	5000.00
1800.00	2700.00	Imbuan Audit Dalaman	1800.00	2100.00
1000.00	1027.00	Perubatan	1000.00	1000.00
2000.00	1580.00	Derma dan Iklan	2000.00	2000.00
2000.00	0	Khidmat Guaman	2000.00	1000.00
3000.00	3404.00	Keraian	3000.00	3500.00
500.00	500.00	Khidmat Percukaian	2000.00	1000.00
1200.00	520.00	Lesen MPT	1000.00	1000.00
4000.00	2211.00	Perbelanjaan Luar Jangka	4000.00	4000.00
2000.00	0	Wang Tebus Syer	2000.00	2000.00
35000.00	35992.00	Susut Nilai Harta Tetap	30000.00	30000.00
500.00	700.00	Bayaran Perakaunan	1000.00	1000.00
100.00	184.00	Komisyen Bank	100.00	100.00
0	0	Rosot Nilai Saham	10000.00	10000.00
<b>249306.00</b>	<b>237388.00</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>281900.00</b>	<b>299400.00</b>
<b>171764.00</b>	<b>188091.00</b>	<b>KELEBIHAN</b>	<b>202400.00</b>	<b>208800.00</b>
		<b>Anggaran Pendapatan 2009</b>	<b>508200.00</b>	
		<b>Anggaran Perbelanjaan 2009</b>	<b>301400.00</b>	
		<b>Kelebihan Tahun 2009</b>	<b>208800.00</b>	

Cadangan diterima oleh Encik Shari bin Sahalan.

Disokong oleh Tn Hj Md Kidam bin Long.  
Diluluskan sebulat suara.

**Agenda 7: Meluluskan Elaun-Elaun kepada Anggota Lembaga.**

- 7.1 Setiausaha Koguru membentangkan cadangan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga seperti di muka surat 56, buku mesyuarat agung (lampiran.)
- 7.2 Tn Hj Alwi bin Hj Hashim bertanyakan tentang teguran oleh Ketua Pendaftar bagi akaun 2006 yang tidak dinyatakan secara terperinci elaun kepada Anggota Lembaga.
- 7.3 Setiausaha Koguru menjelaskan perbelanjaan secara terperinci itu ada dinyatakan dalam nota kepada akaun di muka surat 50 dan 51 buku mesyuarat agung..

Cadangan diterima oleh Encik Adnan bin Hj Abd Manaf  
Disokong oleh Encik Fairuz bin Abdul Kudus.  
Diluluskan sebulat suara.

**Agenda 8: Meluluskan pelantikan satu panel terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) Firma Juruaudit Luar bagi mengaudit Akaun Tahun 2008.**

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat mencadangkan supaya semua anggota memberi mandat kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk memilih dan melantik panel tersebut.

Disokong dan diterima sebulat suara.

**Agenda 9: Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan koperasi.**

- 9.1 Bendahari Koguru mencadangkan had pelaburan tersebut sebanyak RM 1 juta .

Disokong diterima sebulat suara.

**Agenda 10: Menentukan had maksimum keterhutangan koperasi .**

- 10.1 Bendahari Koguru mencadangkan had maksimum tersebut sebanyak RM 5 juta.

Disokong diterima sebulat suara.

**Agenda 11: Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan tahun Kewangan 2007.**

- 11.1 Bendahari koguru mencadangkan pembahagian keuntungan bagi Tahun Kewangan 2007 sebanyak 10% atas modal syer, 3% atas modal Yuran, Honorarium ALK sebanyak RM 4,500.00 dan sumbangan ke Tabung Pendidikan sebanyak 1 %.

Disokong dan diterima sebulat suara.

**Agenda 12: Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh ( 7 ) hari telah diberikan.**

- 12.1 Encik Sahazudin bin Abu Ruddin, Pengerusi JK Pengiraan Pencalonan dan Usul menjelaskan tidak ada usul yang boleh dibawa untuk di putuskan pada mesyuarat agung ini.

**Agenda 13: Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi, jika ada.**

- 13.1 Setiausaha Koguru membentangkan cadangan kepada Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi seperti mana arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan Pindaan Akta Koperasi 2007 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2008.
- 13.2 Setiausaha Koguru juga menjelaskan bahawa Pendaftar Koperasi Pahang telah meluluskan pengurangan Kuorum bagi tujuan pindaan Undang-Undang Kecil ini sebanyak satu perempat (1/4) daripada jumlah kehadiran mesyuarat agung ini.

Disokong oleh Encik Azhar bin Koming.  
Diterima sebulat suara.

**Agenda 14: Meluluskan apa-apa perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman.**

- 14.1 Setiausaha Koguru mencadangkan Elaun kepada Jawatankuasa Audit Dalaman seperti pada muka surat 56, buku mesyuarat agung. (lampiran)

Elaun bertugas RM 60.00 seorang bagi satu bulan.  
( RM 180.00 sebulan @ 3 orang – RM 2,160.00 setahun )

**Agenda 15: Mengisytiharkan keputusan pemilihan Anggota Lembaga Koperasi.**

15.1 Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan Anggota Lembaga Koperasi yang menang tanpa bertanding bagi sesi 2008/2010.

1. Encik Khairi bin Yahaya.
2. Encik Mohammad Zawawi bin Abu Bakar
3. Tn Hj Mohd Nor bin Hussin

Pengerusi mesyuarat seterusnya mengumumkan mesyuarat agung ditangguhkan.

Mesyuarat ditangguhkan jam 1.15 petang.

Dicatat oleh,

1. Encik Saipudin bin Abdullah
2. Puan Hayati Suraini bt MohdYusof

Disediakan oleh,

**( KHAIRI BIN YAHAYA )**  
Setiausaha Koguru.



Kami, Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Koguru Kali Ke-34 yang diadakan pada 17 Mei 2008 dengan ini mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Koguru ini seperti yang dicatatkan. Mesyuarat JK ini telah diadakan pada 7 Jun 2008.

1. Encik Mansor bin Ab Rahman Pengerusi .....
2. Encik Khairi bin Yahaya Setiausaha .....
3. Encik Abdullah Karim bin Awang Hitam Bendahari .....
4. Encik Sahazudin bin Abu Ruddin Anggota Lembaga .....
5. Encik Razali bin Hj Abdul Manaf Anggota .....
6. Tn Hj Md Kidam bin Long Anggota .....
7. Encik Saipuddin bin Abdullah Anggota .....
8. Encik Azhar bin Koming Anggota .....
9. Puan Hayati Suriani bt Mohamed Yusof Anggota .....
10. Puan Siti Zauyah bt Mat Rahim Anggota .....